



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-4/33 (97)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 6/2026

SISTEM ELEKTRONIK BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (e-BITK)

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Kementerian/Jabatan mengenai pelaksanaan Sistem Elektronik Bayaran Insentif Tugas Kewangan (e-BITK) bagi menggantikan Borang Permohonan Bayaran Insentif Tugas Kewangan JBN. 45 (Pin.2021) secara manual di bawah Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 14/2021.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini, permohonan Bayaran Insentif Tugas Kewangan dilaksanakan secara manual menggunakan Borang Permohonan Bayaran Insentif Tugas Kewangan JBN. 45 (Pin.2021) di bawah Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 14/2021. Kaedah permohonan secara manual ini melibatkan proses penyediaan, penghantaran dan semakan dokumen yang mengambil tempoh masa yang agak panjang serta kurang efisien.

“SABAH MAJU JAYA”

3. Sehubungan dengan itu, Sistem Elektronik Bayaran Insentif Tugas Kewangan (e-BITK) dibangunkan bagi memperkasakan penyampaian perkhidmatan melalui pendigitalan proses permohonan dan kelulusan BITK. Pelaksanaan sistem ini adalah selaras dengan usaha transformasi digital perkhidmatan awam dan bertujuan mempercepatkan urusan permohonan, semakan serta kelulusan bagi Penjawat Awam Negeri yang layak.

SISTEM ELEKTRONIK BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN

4. Sistem ini menggantikan sepenuhnya kaedah permohonan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) yang sebelum ini dilaksanakan secara manual kepada kaedah permohonan secara digital dan dalam talian. Tatacara penggunaan sistem adalah seperti berikut:

- a) pegawai yang layak dibayar BITK hendaklah mengisi permohonan melalui sistem ini. Syarat kelayakan pegawai yang layak dibayar BITK adalah seperti di Perenggan 5 Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 14/2021 atau Pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
- b) pegawai hendaklah memilih kadar BITK yang layak dibayar berdasarkan Perenggan 7 Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 14/2021 atau Pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
- c) permohonan BITK seseorang pegawai akan disokong oleh Pegawai Pengesah Jabatan, diperakukan oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri;
- d) tandatangan di atas borang tidak diperlukan;
- e) satu (1) salinan Borang Permohonan Bayaran Insentif Tugas Kewangan yang telah diluluskan melalui sistem e-BITK hendaklah dicetak dan dikemukakan kepada Bahagian/Unit Akaun untuk tindakan selanjutnya; dan

- f) Sistem e-BITK boleh diakses melalui alamat URL <https://ebitk.digitalsabah.gov.my>.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

5. Ketua Jabatan hendaklah menetapkan Pegawai Penyemak untuk menyemak permohonan BITK dan Pegawai Pengesah untuk menyokong permohonan BITK agensi masing-masing dan senarai nama Pegawai Penyemak dan Pegawai Pengesah hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Saraan dan Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri untuk didaftarkan.
6. Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan semua data pegawai di dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia (SM2) dikemaskini dari semasa ke semasa.

DOKUMEN SOKONGAN

7. Borang permohonan BITK yang telah diluluskan melalui sistem e-BITK hendaklah disertakan dokumen berikut:
 - 7.1 salinan arahan menjalankan tugas kewangan; dan
 - 7.2 salinan senarai tugas atau deskripsi tugas.

PERTANYAAN

8. Sebarang pertanyaan atau masalah teknikal mengenai sistem e-BITK boleh berhubung dengan Bahagian Saraan dan Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2026**.

PEMBATALAN

10. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini maka, penggunaan Borang Permohonan Bayaran Insentif Tugas Kewangan, JBN. 45 (Pin. 2021) di bawah Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 14/2021 adalah **dibatalkan**.

PEMAKAIAN

11. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(ZAINUDIN BIN AMAN)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh : **24.07.2026**.

“SABAH MAJU JAYA”

s.k.: Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Tingkat 8-11, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

“SABAH MAJU JAYA”